



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

COURSE NAME : ETIKA PROFESIONAL
COURSE CODE : DEG2142
EXAMINATION : APRIL 2018
DURATION : 2 HOURS

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Golongan profesional diletakkan pada status yang tinggi dalam struktur masyarakat kerana
 - A kekayaannya.
 - B kemahirannya.
 - C kepakarannya.
 - D status sosialnya.

2. Kod etika adalah pernyataan tentang
 - A kekuatan dan kelemahan sebuah organisasi.
 - B norma dan kepercayaan sesebuah organisasi.
 - C undang-undang dan peraturan sebuah organisasi.
 - D piawaian dan ukuran sesebuah organisasi.

3.

- Seorang jurutera awam mendapati penggunaan beberapa kelengkapan dalam pembinaan bangunan awam tidak selamat untuk digunakan.
 - Beliau memberitahu pengurus projek agar alat-alat itu ditukar dengan yang lebih baru demi keselamatan.
 - Cadangan itu ditolak oleh pengurus projek.

Rajah 1

Apakah teori yang berkaitan tingkah laku yang dipamerkan oleh jurutera awam dalam Rajah 1?

- A Teori Keperibadian Mulia
- B Teori Tindakan Betul
- C Teori Hak Asasi
- D Teori Wajiban

4. Penyelidikan dilakukan dalam sesuatu profesion bertujuan untuk
- A memberi input baru kepada profesion yang diceburi.
 - B menjadikan profesional sebagai pakar membuat penyelidikan.
 - C membelanjakan peruntukan penyelidikan supaya tidak membazir.
 - D memberi peluang kepada profesional meningkatkan kebolehannya.
5. Matlamat utama lesen atau tauliah yang diberikan kepada seseorang jurutera oleh Badan Profesional Kejuruteraannya adalah untuk
- A membolehkan profesional melaksanakan tugas.
 - B menggalakkan klien mencari jurutera yang bertauliah sahaja.
 - C mengurangkan penipuan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat awam.
 - D melindungi orang awam dari perbuatan tidak beretika / tidak kompeten seseorang profesional.
6. Biasanya hukuman tertentu yang dikenakan kepada profesional yang melanggar etika adalah
- i menyalahkan secara terbuka profesional yang melakukannya.
 - ii pemuluan oleh masyarakat atau rakan profesional.
 - iii menafikan keahliannya dalam mana-mana badan profesional.
 - iv mendakwa profesional di mahkamah.
- A i, ii, dan iii.
 - B i, iii dan iv.
 - C ii, iii dan iv..
 - D. i, ii, iii dan iv.

7. Tugas bukan sahaja penting kepada diri seseorang tetapi juga kepada masyarakat umum. Jika tugas tidak dilaksanakan, perjalanan masyarakat menjadi tidak lancar dan boleh mendatangkan kerugian. Oleh sebab itu, sesuatu tugas yang diamanahkan mesti diselesaikan dengan sempurna. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A pengaruh teladan.
 - B kekuatan sifat baik hati.
 - C kebijaksanaan berhemat.
 - D kewajipan menjalankan tugas.

8.

- ❖ Orang yang seronok bekerja juga menganggap tugas sebagai ibadah. Dia prihatin terhadap kerja, menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan bersedia memberi kerjasama.
- ❖ Dia tidak berasa berat, malas, bosan dan kecewa untuk melaksanakan tugas.
- ❖ Tidak wujud pada dirinya sifat-sifat negatif seperti sambil lewa, selalu menunggu arahan dan tidak suka menolong orang lain.

Pernyataan di atas membayangkan suasana

- A ketinggian peribadi.
 - B keseronokan bekerja.
 - C kekuatan sifat baik hati.
 - D kemuliaan kesederhanaan.
9. Dua belas nilai asas menjadi tonggak bagi Perkhidmatan Awam di Malaysia dan boleh diterima oleh semua masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Tonggak 12 merupakan gabungan pelbagai
- A konsensus.
 - B budaya.
 - C amalan murni.
 - D sifar mulia.

10. Kesan penutupan industri, pemindahan industri ke satu lokasi baru dan pengecilan saiz industri adalah seperti berikut;
- i perkerja bersara awal.
 - ii pekerja mengalami kerugian ekonomi.
 - iii pekerja kehilangan sumber mata pencarian.
 - iv pekerja akan bekerja dengan majikan baru.
- A i, ii dan iii.
B i, iii dan iv.
C ii, iii dan iv
D i, ii, iii dan iv.

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tuliskan jawapan anda dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah pembentukan etika individu. Selain itu beberapa teori etika telah diketengahkan untuk menerangkan konsep "betul" dan "salah" berhubung dengan gelagat atau tingkah laku manusia.

- a. Apakah yang anda faham mengenai etika profesional. (3 markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** faktor yang membentuk etika individu. (2 markah)
- c. Huraikan tentang Teori Tindakan Betul (Teleologis) dari segi pengagasnya, prinsipnya dan berikan contoh bersesuaian. (5 markah)

SOALAN 2

Kod etika profesional adalah salah satu alat kawalan yang digunakan sebagai panduan dalam mendisiplinkan profesional ke arah tingkah laku yang beretika.

- a. Apakah **tiga (3)** fungsi kod etika profesional? (3 markah)
- b. Terangkan dengan contoh yang sesuai maksud "**memelihara maruah profesyen**". (3 markah)
- c. Kod etika mempunyai kelemahan-kelemahan yang mengurangkan keberkesannya sebagai alat kawalan tingkah laku beretika. Huraikan **dua (2)** pendekatan yang boleh diambil untuk meningkatkan Keberkesanan kod etika. (4 markah)

SOALAN 3

Seseorang pengurus yang berwibawa akan mengambil kakitangan yang berkebolehan untuk berkhidmat dalam sektor pembinaannya, memastikan penamatan perkhidmatan oleh pekerjaanya adalah rendah dan memperoleh ketaatan kakitangan yang jitu terhadap syarikat. Di samping itu juga, matlamatnya adalah untuk mengekalkan serta meningkatkan produktiviti kakitangan supaya bebas daripada salah laku perkhidmatan.

- a. Apakah yang anda faham dengan konsep ketaatan seseorang kakitangan terhadap majikannya? (3 markah)
- b. Terangkan dengan jelas mengenai layanan terpilih dalam konteks dalam konteks pengambilan pekerja. (3 markah)
- c. Apakah maksud Meniup Wisel (*Whistle Blowing*)? Nyatakan tiga (3) perkara yang perlu dikenal pasti sebelum "*whistle blowing*" dibenarkan? (4 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGAIAN C

Baca petikan di bawah dan jawab semua soalan berikutnya di dalam buku jawapan.

KUALA LUMPUR 26 Dis. – Sebuah syarikat pemaju yang terlibat dalam projek mega membangunkan Iskandar Malaysia telah disiasat berhubung dakwaan wujudnya unsur salah laku dalam projek yang bernilai billion ringgit itu. Siasatan terhadap syarikat itu dibuat kerana dipercayai berlaku unsur penyelewengan dalam perolehan kontrak dan beberapa projek yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat berkenaan.

Utusan Malaysia difahamkan penyelewengan tersebut turut melibatkan orang tengah yang bertanggungjawab mendapatkan projek untuk syarikat itu. Syarikat yang disiasat itu bertanggungjawab membangunkan pelbagai projek besar dalam Iskandar Malaysia antaranya pembinaan infrastruktur, pusat pendidikan, kawasan perumahan, jalan, lebuh raya serta pusat riadah yang bernilai ratusan billion ringgit.

Pihak berkuasa yang berkenaan juga dikatakan telah membuat serbuan ke atas ibu pejabat syarikat tersebut serta beberapa syarikat di sekitar Johor Bahru dan Kuala Lumpur, kajian ke atas dokumen-dokumen yang berkaitan kes itu telah dijalankan serta beberapa saksi dipercayai telah dipanggil untuk membantu siasatan. Malah, seorang lelaki berusia lingkungan 50-an yang merupakan orang tengah projek mega berkenaan akan didakwa di Mahkamah Seksyen Johor Bahru, Johor pagi esok.

(Sumber: *Utusan Malaysia*, 27/12/2011)

- a. Apakah isu salah laku etika yang berlaku dalam projek tersebut? (2 markah)
- b. Jelaskan punca berlaku isu salah laku ini berdasarkan petikan di atas.
(3 markah)

- c. Huraikan **empat (4)** langkah yang perlu dilakukan untuk mengatasi isu salah laku etika di sektor tersebut. (8 markah)
- d. Terangkan **tiga (3)** kepentingan kod etika profesional dalam bidang kejuruteraan. (6 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

